

**TEKS UCAPAN PANGLIMA TENTERA LAUT SEMPENA MAJLIS RAMAH MESRA  
PSSTLDM PADA 14 JAN 16 DI WISMA PERWIRA ATM**

مَسْبِمِ حِرْلَانِ مَحْرِلِ اللَّهِ

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan sekalian alam, serta selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, para sahabat dan keluarga Baginda.

Yang Berbahagia Kepten (Kehormat) Tan Sri Dato' Seri Kong Cho Ha PSSTLDM, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang;

Yang Berbahagia Kepten (Kehormat) Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang;

Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Kepten (Kehormat) Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hasan PSSTLDM, Orang Besar Jajahan Kinta;

Dato'-Dato', Pegawai-Pegawai Memerintah dan para hadirin yang saya hormati sekalian;

هتاكربو الله تمحرو مكياء ماسلا

dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita sama-sama berkumpul di sini dalam Majlis Ramah Mesra Pegawai Kehormat PSSTLDM. Majlis yang dianjurkan buat julung kalinya ini adalah merupakan kesempatan terbaik bagi pihak pengurusan tertinggi TLDM untuk mengenali dengan lebih rapat selain mengeratkan hubungan dengan Pegawai-pegawai Kehormat PSSTLDM.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan serta mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir pada malam ini. Saya juga merasa berbesar hati dan terharu di atas semangat kesepaduan dan patriotik Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan yang terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi kerajaan, kenamaan-kenamaan serta *public figure* yang berbeza latar belakang menyertai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia. Kehadiran tuan-tuan semua pada petang ini sesungguhnya menggambarkan kesetiaan dan sokongan padu, kebanggaan serta membuktikan semangat *esprit-de-corps* yang penting

dalam memantapkan lagi Pasukan Simpanan Sukarela TLDM.

3. Seperti semua sedia maklum, saya baru sahaja memegang tampuk pemerintahan TLDM selama hampir 2 bulan. Selaku Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia yang ke-16, saya dengan rendah diri dan penuh tawaduk memohon ke hadrat Ilahi agar sentiasa diberikan taufik dan hidayahNya serta kekuatan untuk melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas, dedikasi, bijaksana dan amanah. Saya bertekad untuk meneruskan pencapaian dan kecemerlangan TLDM yang telah dipelopori oleh kepimpinan terdahulu.

Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan serta para hadirin sekalian,

4. TLDM sedar bahawa PSSTLDM merupakan sebuah pasukan yang penting dalam mengaugmentasi peranan angkatan tetap TLDM. Jika kita singkap kembali sejarah penubuhan TLDM sendiri, ianya bermula dari sebuah pasukan simpanan iaitu *Straits Settlement Naval Volunteer Reserve* (SSNVR) yang ditubuhkan oleh kerajaan Kolonial British pada 27 April 1934. Sejak itu, PSSTLDM sentiasa diberi perhatian dan tidak dipinggirkan malah dianggap sama sahaja seperti warga *the Navy People* yang lain. Dalam hal ini, TLDM senantiasa menumpukan kepada aspek

pembangunan berterusan PSSTLDM. Sejak penubuhan PSSTLDM 53 tahun yang lalu, pasukan ini telah menjalani pelbagai revolusi pemodenan, peningkatan kemudahan dan prasarana seiring dengan pembangunan pesat TLDM. Di antaranya ialah:

- a. Peruntukan dua buah kapal ronda iaitu KD SRI JOHOR dan KD SRI PERLIS - 2008.
  - b. Pentauliahkan KD SRI LIKAS - 2009.
  - c. Pembangunan KD SRI PINANG - 2011.
  - d. Penubuhan PALAPES Akademi Laut Malaysia (ALAM) - 2011.
  - e. Penubuhan PALAPES Universiti Malaysia Sabah (UMS) - 2011.
  - f. Pembangunan KD SRI TAWAU - 2012.
  - g. Pembangunan dan penjenamaan semula PSTL Chendering sebagai PSTL Setiu - 2014.
  - h. Rancangan Masa Hadapan - Pembangunan semula KD SRI MEDINI dan PSSTLDM Kuching.
5. Pada tahun 2015, PSSTLDM telah mencipta sejarah dengan pemakaian pangkat Laksamana Pertama bagi PSSTLDM dan Kepten Kehormat pertama bagi wanita. Kesemua peningkatan dalam aspek

sumber manusia yang dilaksanakan ini adalah pengiktirafan tinggi TLDM kepada PSSTLDM.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Setiap pembangunan, peningkatan kemudahan dan prasarana serta peningkatan aspek sumber manusia PSSTLDM dilaksanakan bagi membolehkan angkatan tetap dan angkatan simpanan melaksanakan tugas secara bersama-sama dan sinergi bagi memperkasakan konsep Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH. Hasilnya, PSSTLDM kini lebih relevan sebagai benteng kedua pertahanan negara menerusi kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam operasi yang disertai. Antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh PSSTLDM adalah kejayaan kapal auxiliary TLDM, BUNGA MAS 5 dan BUNGA MAS 6 melaksanakan Operasi FAJAR. Kejayaan Operasi FAJAR dalam mengiringi kapal-kapal dagang milik negara melalui Teluk Aden dengan selamat merupakan kejayaan besar hasil gabungan angkatan tetap dan simpanan TLDM. Selain itu, sumbangan 75 peratus angkatan simpanan dalam rondaan di perairan Sabah menerusi KD SRI PERLIS dan KD SRI JOHOR terutamanya dalam Operasi PASIR telah membantu meningkatkan keselamatan perairan di Sabah. Kini, TLDM telah mengoperasikan Kapal

Auxiliary TUN AZIZAN dan Pangkalan Laut TUN SHARIFAH RODZIAH sebagai 'Sea Basing' di perairan timur Sabah. Justeru, warga PSSTLDM juga berpeluang untuk diperjwatkan sebagai anggota bagi kedua-dua 'Sea Basing' tersebut dalam menyumbang kepada pengukuhan aspek keselamatan perairan maritim di Sabah.

7. Dalam aspek sukan, atlet PSSTLDM telah banyak membantu TLDM memenangi acara sukan terutamanya dalam kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan (SAP). TLDM telah sekali lagi muncul juara kejohanan SAP ATM pada tahun 2015 untuk rekod lapan tahun berturut-turut. Di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, atlet PSSTLDM turut telah mengharumkan nama negara dan TLDM apabila berjaya menyumbangkan pingat dalam kejohanan sukan Olimpik, sukan Asia, sukan KOMANWEL, sukan SEA dan sukan Malaysia atau SUKMA. Syabas saya ucapkan kepada atlet-atlet PSSTLDM.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa TLDM amat berbangga apabila Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan menyertai PSSTLDM. Penyertaan dan penglibatan Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan dalam

PSSTLDM adalah merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada TLDM. Justeru, saya berharap agar Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan yang memegang jawatan tinggi sebagai Naib Canselor Universiti, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Eksekutif syarikat, Pensyarah-Pensyarah di Pusat Pengajian Tinggi serta pegawai-pegawai tertinggi di organisasi-organisasi awam dan swasta, akan sentiasa menjadikan diri sebagai contoh ikutan atau 'role model' kepada pelajar atau anggota bawahan atau subordinat di tempat kerja untuk turut menyertai PSSTLDM. Sesungguhnya kesudian tuan-tuan sebagai pegawai-pegawai tertinggi awam dan swasta memakai pakaian seragam TLDM serta mempraktikkan disiplin dan tradisi Tentera Laut di tempat kerja masing-masing telah membuatkan TLDM semakin dikenali dan popular di kalangan masyarakat. Saya juga berharap agar Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan akan meneruskan sumbangan dan peranan sebagai pemegang pangkat kehormat dalam menaikkan lagi imej TLDM dalam bidang yang diceburi seperti pengurusan, pendidikan, pentadbiran, penyelidikan, penulisan dan sebagainya. Sesungguhnya segala sokongan Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan kepada TLDM selama ini amat besar ertinya kepada kami dan begitu tinggi nilainya kepada Angkatan Tentera Malaysia secara amnya.

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan yang sudi hadir pada petang ini. Saya mengharapkan agar Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian akan meneruskan khidmat dalam PSSTLDM serta bergiat aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan di unit simpanan masing-masing. Janganlah disia-siakan ilmu yang telah dipelajari sebelum ini, sebaliknya, gunakanlah ilmu tersebut dengan sebaiknya demi kepentingan bersama. Semoga tuan-tuan akan menjadi seorang pegawai yang sentiasa bertanggungjawab, progresif dan berpengetahuan serta sentiasa memelihara disiplin dan imej perkhidmatan.

10. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa penganjur Majlis Ramah Mesra ini kerana berjaya menganjurkan majlis yang bermakna dan meriah ini. Saya berharap dan mendoakan semoga Allah SWT sentiasa melindungi dan memberkati perjuangan kita semua serta diberi petunjuk dan kekuatan jati diri ke arah kejayaan, kecemerlangan dan kegemilangan PSSTLDM dan TLDM, Insya-Allah.

11. Sekian, saya sudahi ucapan saya dengan lafaz,

هتاكربو الله تمحرو مكياء ماسلاو ميادهلاو قفوت اللهابو

'Sedia Berkorban'